

PERANAN WANITA DALAM PENGUKUHAN AKIDAH UMAT ISLAM

Oleh:

Che Zarrina binti Sa'ari *

Joni Tamkin bin Borhan **

Abstract

At the time of the dawn of Islam, women all over the world were degraded, subjected and without any rights and some of them were considered as men-entities. Since the beginning of the industrial revolution, they have been asserting their rights in the Western countries and have been given certain political and economic rights. But more than fourteen hundred years ago, Islam recognised women's position and gave them rights, roles and privileges which are not enjoyed by women in other societies. The overall position of women is honourable and noble in the sight of Allah SWT as well as in the eyes of Islamic society. This article explains about the role of women in educating their children and strengthening their 'aqidah and what is the method can be used in achieving this aims.

PENDAHULUAN

Kertas kerja ini membincangkan peranan wanita Islam dalam hubungannya dengan konsep akidah yang menjadi tonggak penting bagi kehidupan umat manusia, lebih-lebih lagi mereka yang menerima agama Islam yang benar sebagaimana yang diwahyukan oleh Allah SWT kepada RasulNya, Muhammad SAW. Untuk merealisasikan perbincangan kertas kerja ini, ia akan dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu pertama, kedudukan dan peranan wanita sebelum Islam dan sesudah Islam; kedua, skop akidah Islamiah; ketiga, kepentingan peranan wanita Islam dalam menanam akidah

* Che Zarrina Binti Sa'ari, PhD adalah Profesor Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

** Joni Tamkin Borhan, PhD adalah Profesor Madya di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan beliau adalah Timbalan Pengarah Bahagian Ijazah Dasar, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Islamiah terhadap dirinya sendiri, keluarga dan masyarakat sekeliling; keempat, metode menanam akidah Islamiah kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat.

KEDUDUKAN DAN PERANAN WANITA SEBELUM ISLAM DAN SESUDAH ISLAM

Sebelum perbincangan mengenai wanita dan hubung kaitnya dengan akidah Islamiah, ada baiknya sekiranya dapat dilihat terlebih dahulu kedudukan dan peranan wanita sebelum kedatangan Islam dan apakah persepsi agama Islam itu sendiri terhadap wanita. Ini adalah untuk mendapat gambaran tentang kedudukan wanita dalam masyarakat dan sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh wanita dalam keluarga dan masyarakat.

Sebelum Islam wujud di Semenanjung Arab, wanita pernah dianggap sebagai hamba dan harta peribadi serta wanita dikatakan mempunyai sifat-sifat lebih rendah dari lelaki. Kedudukan wanita tidak terbela dan tidak diberi hak yang sewajarnya serta nilai dan maruah wanita dianggap rendah. Wanita tidak diberi penghormatan sehingga nasib dan masa depan mereka tidak mendapat tempat di sisi masyarakat dan mereka diperlakukan apa saja sebagai rakyat kelas dua.¹ Misalnya, undang-undang masyarakat Greek pada ketika itu, tidak memberi sebarang keistimewaan dan pembelaan terhadap kaum wanita, mereka di kurung di dalam rumah, tidak diberi peluang belajar, kerana menganggap wanita hanya layak menguruskan rumah tangga sahaja.² Wanita juga boleh dijual beli di pasar seperti binatang dan barang dagangan, mereka tidak ada hak untuk membantah, kecuali hanya diberikan makan, minum, pakaian dan tempat tinggal.³

¹ Freda Hussain (1984). *Muslim Women*, London & Sydney: Croom Helm, h. 112. Lihat juga Baterah Alias (2002), "Emansipasi Wanita: Suatu kajian Terhadap Pandangan Wanita Islam di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kampus Seksyen 17, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan", Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang tidak diterbitkan.

² Pauline Schmitt Pantel (ed.) (1992). *A History of Woman in the West*, Cambridge, Massachusetts, London, England: The Belknap Press of Harvard University Press, h. 48. Lihat: John P. McKay, Bennett D. Hill dan John Buckler (1987). *A History of Western Society*, Cet. Ke 3, Boston: Houghton Mifflin Company, h. 91-92.

³ Joachim Herrman dan Erik Zurcher (ed.) (1996). *History of Humanity Scientific and Cultural Development*, Jil. 3, London: Routledge, Paris: United Nations Educational Scientific and Cultural Organization, h. 5.

Kaum wanita pada zaman Yunani juga di pandang sebagai makhluk yang rendah, hina dan tidak berharga.⁴ Mereka dijadikan alat pemuis nafsu lelaki sebagai pelacur.⁵ Malahan masyarakat Yunani menganggap wanita sebagai komoditi dagangan yang tidak berhak untuk mendapat harta pusaka dan pendidikan.⁶ Abu al-A'la al-Maududi dalam bukunya, *al-Hijab* menyatakan bahawa masyarakat Yunani menganggap wanita sebagai sumber maksiat, sumber keburukan dan kejahatan. Bagi pihak lelaki masyarakat ini, wanita dianggap sebagai salah satu pintu neraka kerana mereka lah yang mengerakkan lelaki melakukan dosa dan mereka jugalah yang menjadi penyebab manusia menerima musibah. Oleh kerana itu, masyarakat ini berpandangan bahawa wanita sepatutnya menyesal dan malu kerana ditakdirkan lahir sebagai wanita. Wanita yang berparas cantik sepatutnya malu dengan kecantikannya kerana ianya merupakan senjata iblis. Wanita harus menebus dosa selama hidupnya kerana mendatangkan bencana dan kesengsaraan manusia di muka bumi.⁷

Begitu juga pada zaman tamadun Romawi, kaum wanita juga tidak mendapat penghormatan dalam kehidupan mereka. Semasa remaja, kaum wanita dikongkong di bawah kekuasaan penjaganya, sama ada bapa, datuk dan sebagainya.⁸ Kekuasaan seorang penjaga adalah mutlak dan tidak dihadkan, malahan mereka ini boleh menghalau wanita keluar dari rumah atau menjualnya dan tidak ada pembelaan undang-undang ke atas golongan wanita ini. Apabila seorang wanita berkahwin, maka putuslah hubungan keluarga dengan kaum kerabatnya dan suaminya pula berhak menentukan corak kehidupan mereka.⁹

Manakala pada zaman Mesir kuno, di mana masyarakat mempunyai keyakinan bahawa sungai Nil dikuasai oleh dewa yang sentiasa inginkan persembahan seorang gadis, maka gadis-gadis dipersembahkan. Jika

⁴ Thomas F.X. Noble, Barry S. Strauss, Duane J. Osheim, Kristen B. Neuschae, William B. Cohen, David D. Roberts (1994). *Western Civilization The Continuing Experiment*, Boston, Toronto: Huoghton Mifflin Company, h. 101.

⁵ 'Alī 'Abd al-Wāhid Wāfi (Dr.), (t.t.). *al-Mar'ah fī Islām*, Kaherah: Maktabah Gharib, h. 19

⁶ Joachim Herrman dan Erik Zurcher (1996), *op.cit.*, h. 5.

⁷ Abu al-'A'la al-Maududi (1972). *Purdah and the Status of Woman in Islam*, Lahore, Pakistan: Islamic Publication, h. 11-12.

⁸ Thomas F.X. Noble *et. al* (1994). *op.cit.*, h. 165.

⁹ Bertrand Russell (1945). *A History of Western Philosophy*, Cet. Ke 3, New York: Simon and Schuster, h. 278.

mereka tidak berbuat demikian, maka sungai Nil tidak akan memberi manfaat dan faedah kepada petani-petani Mesir. Oleh itu wanita menjadi korban kerana kesesatan akidah masyarakat pada masa itu.¹⁰ Walaupun begitu, berbanding dengan tamadun yang lain, masyarakat Mesir dikatakan lebih baik kerana mereka memberi sedikit penghormatan kepada wanitanya. Wanita diberi hak memiliki harta, bekerja dalam kebanyakan sektor ekonomi, melibatkan diri dalam masyarakat dan bercampur dengan lelaki.¹¹

Pada zaman Jahiliah hampir semua suku bangsa di Jazirah Arab, memandang hina kepada wanita. Wanita dianggap benda yang tidak berharga dan hanya sebagai alat pemuas nafsu sahaja, maka akibatnya wanita pada ketika itu sangat menderita dan tidak bernilai sama sekali.¹² Sudah dimaklumi, tradisi bangsa Arab sebelum Islam, berasa hina dan malu sekiranya isteri melahirkan anak perempuan. Apabila isterinya hamil anak perempuan, suami akan menyediakan terlebih dahulu sebuah lubang, untuk menguburkan anak perempuan hidup-hidup dengan tujuan untuk mengelak perkara yang memalukan di kemudian hari, di samping takut menanggung bebanan hidup serta kemiskinan. Amalan mananam anak perempuan hidup-hidup merupakan adat kebiasaan yang meluas dalam masyarakat Arab Jahiliah. Pada pandangan mereka, membunuh anak perempuan adalah suatu kebaikan.¹³ Sekiranya wanita tersebut hidup, ia akan diperlakukan seperti boneka, dipaksa menjadi pelacur, paling baik pun dimadukan tanpa peri kemanusian dan sebagainya.¹⁴ Sebaliknya mereka amat bergembira dengan kelahiran anak lelaki sebagaimana terdapat catatan dalam syair-syair mereka tentang hal ini.¹⁵

Segala penghinaan, kezaliman dan penindasan yang dikenakan kepada kaum wanita telah berubah sama sekali dengan kedatangan agama Islam yang mulia. Setelah kedatangan agama terakhir ini, wanita telah diangkat kedudukannya, dimuliakan, dikembalikan haknya yang telah dirampas dan

¹⁰ *The New Encyclopedia Britannica* (1992). *op.cit.*, Jil. 18, h. 114.

¹¹ *Ibid.*

¹² Fatima Mernissi (1987). *Women in Islam an Historical and Theological Enquiry*, Oxford: Blackwell Publishers. H. 126.

¹³ B.A. Rafiq (t.t.). *The Status of Woman in Islam*, London: Orchard Publication, h. 5.

¹⁴ 'Alī 'Abd al-Wāhid Wāfi (Dr.) (t.t.). *op.cit.*, h. 19.

¹⁵ Madiḥah Khamīs (t.t.). *al-Mar'ah wa al-Syarā'i'* *al-Samāwiyyah*, Kaherah: Maṭbu' Muassasah Dār al-Sya'bī, h. 53.

mereka telah diiktiraf oleh lelaki dalam kehidupan. Malahan mereka diberikan kedudukan dan berperanan sama seperti dalam kehidupan individu dan masyarakat. Menurut Islam, apa yang membezakan antara sesama manusia ialah ketakwaan kepada Allah. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Hai manusia, sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang bertakwa di antara kamu. sesungguhnya Allah maha mengetahui lagi maha mengenal.”¹⁶

Islam meletakkan wanita dalam tiga kategori penting mengikut keupayaannya iaitu sebagai ibu, isteri dan anak perempuan. Ibu diletakkan di tempat yang paling tinggi selepas Allah dan RasulNya.¹⁷ Bagi wanita Islam yang berkahwin, mereka mempunyai hak-hak tersendiri sepanjang perkahwinannya sama seperti lelaki serta mempunyai tanggungjawab-tanggungjawab terhadap keluarga.¹⁸ Wanita Islam juga boleh berperanan sebagai guru atau pendidik, pengasuh, penjaga, pemimpin, penasihat, perawat, pendisiplin, pengikut, penyelesaikan masalah, motivator, model ikutan, pendakwah, penggerak ekonomi, sosial, dan politik dan lain-lainnya.¹⁹

Dengan kata lain, al-Qur'an dan al-Sunnah telah meletakkan panduan umum terhadap kedudukan wanita yang sama dengan lelaki dari segi kemanusianya dimana kedua-duanya mempunyai sama hak dan sama kewajipan dalam melaksanakan tugas-tugas agama²⁰ sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

¹⁶ Surah al-Hujurat, 49:13

¹⁷ Zeenath Kausar (Dr.) (1995). *Women's Issues: Women's Perspectives*, Petaling Jaya: Women's Affairs Secretariat (WAFA) UIAM, h. 7-8.

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ Mohd. Azhar Abd Hamid *et. al.*, (2005). “Kepintaran Kreativiti Kanak-kanak: Suatu Kupasan Terhadap Peranan Wanita Muslim Pada Era Globalisasi”, *Proceeding International Seminar on Muslim Women*”, anjuran Centre for Islamic Studies and Social Development, Universiti Teknologi Malaysia, pada 2-3 April 2005 di Sofitel Palm Resort, Johor, h. 14.

²⁰ ‘Umar Sulaymān al-Ashqar (Dr.) (1991). *al-Mar'ah Bain al-Du'at al-Islām wa Ad'iyyā' al-Taqaddum*, Kuwait: Maktabah al-Falāḥ, h. 35. Lihat: Qamaruddin Khan (1990). *Status of Women in Islam*, New Delhi: Sterling Publishers Private Limited, h. 13.

“Wahai manusia, bertaqwalah kamu kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari satu jiwa.”²¹

Apa yang dapat difahami daripada ayat ini adalah bahawa semua manusia dijadikan daripada asal yang sama iaitu Adam a.s., dan mereka dikehendaki supaya bertaqwa kepada Allah tanpa mengira sama ada mereka adalah lelaki ataupun wanita.²² Sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

“Barangsiapa yang mengerjakan amal soleh baik lelaki maupun perempuan sedang ia orang yang beriman, maka mereka masuk ke dalam syurga dan mereka tidak dianiayai sedikitpun.”²³

Ayat ini menerangkan bahawa iman atau akidah merupakan syarat asasi bagi menegakkan agama dan bukan hanya sekadar melakukan perkara yang baik sahaja.²⁴ Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa menurut Islam, wanita juga adalah hamba Allah dan mereka juga sebagaimana kaum lelaki perlu melaksanakan tanggungjawab yang telah digariskan olehNya. Mereka perlu mendapat bekalan secukupnya dengan amalan-amalan soleh sebagai persiapan menemui Allah di Hari Akhirat. Pada saat itu, mereka akan berhadapan dengan Allah sebagai individu dan tidak akan terikat sama ada mereka seorang isteri, seorang ibu, seorang anak, seorang pekerja mahu pun seorang ahli masyarakat semasa mereka di dunia ini. Mereka akan disoal dan dipertanggungjawabkan oleh Allah sama seperti kaum lelaki. Semasa bertapaknya Islam, peranan wanita adalah seimbang dengan peranan kaum lelaki dalam konteks pentaklifan hukum Syarak. Bahkan wanita merupakan aset penting dalam memajukan ummah, hal ehwal keagamaan dan keduniaan. Wanita pada zaman bermulanya Islam, terkenal dengan sifat mujahadah, pendakwah, usahawan

²¹ Surah al-Nisa', 4:1

²² Abū ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī (1953), *al-Jāmi’ Aḥkām al-Qur’ān*, Cet. Ke 2, Mesir: Maṭba’ah Dār al-Kitāb, h. 2.

²³ Surah al-Nisa', 4:124

²⁴ Ini kerana orang Musyrikin juga mendakwa mereka melakukan kebaikan seperti berkhidmat menjaga Ka’bah, memberi makan orang yang mengerjakan haji dan menjaga keselamatan pedangan-pedagang. Malahan ahli Kitab juga beriman dengan kitab sebagaimana sebelumnya, semua mereka mendakwa mereka adalah anak Allah dan menyayangiNya. Namun amalan baik mereka tidak diterima Allah serta tidak mendatangkan manfaat kepada diri mereka kerana mereka tidak beriman kepada Allah SWT. *Ibid.*, h. 399.

dan faham dalam urusan keagamaan. Semuanya dalam rangka apa yang telah dihalalkan oleh Allah SWT.²⁵

SKOP AKIDAH ISLAMIAH

Setelah dipaparkan perbincangan mengenai wanita sebelum dan sesudah kedatangan agama Islam dimana Islam telah meletakkan hak dan tanggungjawab yang sama kepada wanita dan lelaki dalam persoalan akidah dan amal ibadah, maka adalah perlu untuk diperjelaskan apakah yang dikatakan akidah dan skop perbincangannya supaya perbincangan tentang peranan wanita dalam menanam akidah dan metodologi penerapannya dapat dibincangkan dengan baik.

Akidah dari sudut bahasa berasal daripada bahasa Arab iaitu “ikatan, katas putus, tetap, percaya, kukuh, pegangan, melekat, tetap dan keyakinan”.²⁶ Akidah di dalam agama ialah iktikad semata-mata dan tidak termasuk amalan kerana akidah ialah apa yang diyakini oleh seseorang di dalam hatinya dengan keyakinan yang putus sama ada benar ataupun salah.²⁷ Dari sudut istilah pula, akidah ialah “perkara-perkara yang wajib diyakini dengan hati, jiwa menjadi tenang dengannya sehingga terjadi keyakinan yang utuh yang tidak bercampur dengan keraguan dan kesangsian.”²⁸ Manakala akidah Islamiah pula bermaksud “kepercayaan yang teguh terhadap *rubūbiyyah* Allah Ta’ala dan *ulūhiyyah*nya, nama-namanya, sifat-sifatnya, malaikat-malaikatnya, kitab-kitabnya, rasul-rasulnya, qadar baik dan buruk dan semua yang *thābit* di dalam masalah *ghaybiyyāt* dan usuluddin yang disepakati oleh Salaf al-Salih. Akidah meliputi ketaatan yang total kepada Allah Ta’ala seperti suruhannya dan hukum-hukumnya. Ia juga merangkumi ketaatan kepada Rasulnya SAW.”²⁹

Sejarah akidah telah menunjukkan banyak bukti atas hakikat ketaatan total tersebut. Bilāl bin Rabah r.a., Yasir dan isterinya Sumayyah binti

²⁵ Fathī Yakan, Salīm ‘Abd al-Ḥāmid Yakan (1995). *al-Mutaghayyirah al-Daulah wa al-Dawr al-Islāmī al-Maṭlūb*, Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 130.

²⁶ ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Ḥāmid al-Athārī (1422H.). *al-Wājiz fī ‘Aqīdah al-Salaf al-Ṣāliḥ (Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah)*, Madinah: Majma‘ al-Mālik Fahd li Ṭibā‘ah al-Maṣḥaf al-Shārif, h.23.

²⁷ *Ibid.*, h. 23-24.

²⁸ *Ibid*; Aḥmad Aḥmad Abū Sa‘ādat (Dr.) (1983). *Dirāsāt fī al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah*, Kaherah: Maṭba‘ah al-Naḥḍah al-‘Arabiyyah, h. 143.

²⁹ ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Ḥāmid al-Athārī (1422H.). *op.cit.*, h. 23-24.

Khayyāt serta Amar bin Yāsir pada zaman Nabi Muhammad SAW., para tukang sihir yang telah beriman dan kufur kepada Fir'aun pada zaman Nabi Mūsā a.s. adalah antara bukti sejarah tentang keutuhan dan keteguhan simpulan akidah dalam jiwa mereka.³⁰

Akidah sangat penting kepada kehidupan manusia kerana ia merupakan asas dan teras serta pokok pegangan seseorang manusia dalam beragama. Islam menjadikan persoalan akidah dan keimanan sebagai sesuatu yang tidak boleh dilepaskan atau dialpakan begitu sahaja kerana tanpa akidah dan keimanan sebagaimana yang digariskan oleh Islam, maka manusia tersebut tidak akan diiktiraf sebagai Mukmin. Akidah Islamiah amat istimewa kerana dua perkara: Pertama, akidah ini mempunyai daya untuk menggerakkan amal dan usaha yang menepati dengan corak akidah tersebut. Perhubungan antara akidah dan amal adalah sangat erat sehingga segala tingkah laku manusia sebenarnya adalah terjemahan daripada akidah yang bertakhta dalam hatinya. Oleh itu, sesiapa sahaja yang mempunyai akidah yang teguh dan kukuh dalam hatinya, maka ia akan menterjemahkannya dalam segala tata cara kehidupannya yang tidak akan bertentangan dengan ajaran al-Quran dan al-Sunnah; Kedua, akidah ini mempunyai daya tarikan yang bersifat ghaib yang menghubungkan seseorang manusia itu dengan perkara-perkara yang wujud di sebalik alam nyata ini.³¹ Oleh itu, sesiapa yang mempunyai akidah Islamiah yang kukuh dan teguh, maka dirinya akan mengimani dengan penuh yakin segala perkara berkaitan dengan ketuhanan, kenabian, alam akhirat, dosa pahala, alam kubur, malaikat, jin, syaitan dan sebagainya.

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Apakah orang-orang yang mengasaskan binaannya itu di atas asas takwa dari Allah dan keredaanNya (*riḍwān*) itu yang lebih baik atau apakah orang-orang yang mengasaskan binaannya itu di tepi gaung yang curam, lalu meruntuhkannya ke dalam api neraka jahannam. Dan Allah tidak memberi hidayah kepada kaum yang zalim.”³²

Ayat di atas menegaskan bahawa binaan kehidupan manusia dan ketamadunannya mesti diasaskan kepada asas takwa dan keredaan Allah

³⁰ Mohd Sulaiman Haji Yasin (1988). *Pengantar ‘Aqidah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 167-168.

³¹ *Ibid.*, h. 168.

³² Surah al-Taubah, 9:109.

SWT. Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa takwa merupakan asas horizontal atau asas bahan, sementara keredaan adalah asas vertical atau asas mutu dan keindahan. Justeru, dapat difahami bahawa akidah Islamiah menjadi asas dan teras dalam kehidupan manusia dan ketamadunannya yang hakiki.³³ Kedudukan akidah sebagai asas dan teras kepada kehidupan dan ketamadunan manusia adalah kerana ia mengandungi intipati ajaran tentang hakikat-hakikat teragung di alam wujud dan di alam semesta ini iaitu hakikat Allah SWT dan kitabNya, hakikat hari akhirat, hakikat kenabian dan kerasulan dengan segala ciri-cirinya. Hakikat inilah yang dipertegaskan dan diperjelaskan dalam al-Quran dan al-Hadith. Hakikat inilah yang diyakini oleh para rasul dan nabi, yang disampaikan kepada umat manusia seluruhnya dengan penuh perjuangan dan pengorbanan.³⁴

KEPENTINGAN PERANAN WANITA ISLAM DALAM PENERAPAN AKIDAH ISLAMIAH

Perbincangan di atas menunjukkan betapa pentingnya akidah Islamiah ditanam ke dalam jiwa setiap individu Muslim tanpa mengira jantina, umur, pangkat dan harta. Wanita Islam dalam meneraju kepimpinan rumah tangga agar ianya sentiasa mendapat keredaan Allah SWT, prasyarat utama yang mesti ada pada dirinya ialah kesedaran dan penghayatan terhadap Islam. Atau dengan kata lain, ia mesti memiliki keimanan yang teguh yang lahir dari akidah yang jelas. Tinggi dan rendahnya nilai keimanan seseorang wanita itu terletak kepada kualiti penghayatan Islamnya.³⁵ Dalam hal ini, wanita Islam sebagai individu Muslim dan Mukmin wajib menyediakan dirinya dengan pengetahuan tentang akidah Islamiah dan keimanan supaya akidah tersebut tertanam kukuh dan teguh dalam jiwanya sehingga dapat dimanifestasikan melalui perilaku sehariannya dalam ibadah, akhlak, pergaulan dan segala macam aktiviti kehidupannya.

Wanita Islam sebagai isteri pula perlu memainkan langkah yang sebaik-baiknya untuk memastikan suaminya yang berkongsi kehidupan dengannya juga memiliki pengetahuan akidah Islamiah dan keimanan yang kental supaya hidup berkeluarga tersebut dapat dibina dan dijalani penuh ketenangan, kedamaian dan kebahagiaan serta mendapat keredaan Allah

³³ Mohd Sulaiman Haji Yasin (1988). *op.cit.*, h. 173.

³⁴ *Ibid.*, hal 173-174.

³⁵ Asiah Ali (1993). *Muslimat Pencorak Masyarakat*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, h. 78.

SWT. Sekiranya suami lalai dan leka daripada akidah yang ditetapkan oleh Islam, maka isteri berkewajipan berusaha menyedarkan suaminya dengan pelbagai langkah yang bersesuaian dan bukannya turut hanyut dalam arus kerosakan tersebut, misalannya terjerumus ke dalam kesyirikan, ajaran sesat dan sebagainya. Malahan isteri perlu sentiasa mendorong pasangannya supaya kembali ke jalan yang direndai Allah SWT.

Seorang wanita, di samping tugasnya sebagai isteri juga turut memainkan peranan penting kepada pendidikan anak-anaknya. Ia juga berperanan mengasuh, memelihara, mendidik, merawat dan memotivasi anak-anaknya agar menjadi insan yang beriman dan sekaligus mewujudkannya sebagai insan berguna di masa akan datang. Gagal atau berjayanya seseorang anak itu dalam menjalani kehidupan sebagai seorang mukmin adalah bergantung kepada asuhan dan didikan yang diberikan oleh para wanita yang bergelar ibu. Perkara ini perlu diberi perhatian serius oleh mereka agar pembentukan generasi Islam akan datang akan dapat dijayakan dengan sempurna.³⁶

Baik atau buruknya sesebuah masyarakat itu selalunya bergantung kepada sejauh manakah para wanita bergelar ibu ini dapat memberikan didikan kepada anak-anak mereka. Kecualian dan kelalaian mereka dalam mendidik anak-anak terutamanya dalam menerapkan akidah Islamiah, akan membawa mereka kemungkaran, kedurhakaan dan kemusnahan. Apabila perkara seperti ini wujud dalam masyarakat, maka hilanglah kedamaian, ketenangan dan kebahagiaan dalam kehidupan berkeluarga.³⁷

Dalam pembentukan keluarga Islam, seorang wanita haruslah menyedari bahawa kehidupan dunia hari ini adalah bergantung kepada corak dan bentuk pendidikan dan asuhan yang diberikan kepada anak-anak. Sekiranya kesedaran dan keinsafan ini lahir dalam jiwa wanita Islam, maka pembentukan generasi akan datang akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Namun sekiranya peranan tersebut tidak difahami dan disedari, maka cita-cita untuk mewujudkan generasi Islam yang cemerlang akan hanya tinggal cita-cita sahaja. Para ibu mestilah memahami, Islam telah meletakkan harapan yang tinggi kepada mereka untuk mendidik anak-anak menjadi manusia berguna. Oleh kerana itulah Islam memberikan penghormatan yang cukup tinggi kepada mereka kerana bersusah payah

³⁶ Al-Haqir Hamiza Hussin (1993). *Wanita Solehah*, Kuala Lumpur: Penerbitan al-Masyhur, h. 51.

³⁷ *Ibid.*, h. 51.

mendidik dan mengasuh serta memelihara anak-anak sehingga menjadi manusia berguna di masa akan datang.

METODE PENERAPAN AKIDAH ISLAMIAH

Akidah Islamiah sudah sedia ada dalam diri manusia sesuai dengan fitrah semulajadinya lagi. Namun yang menjadi persoalan ialah bagaimanakah akidah Islamiah yang kukuh dapat ditanam ke dalam diri manusia supaya mereka tidak menyeleweng dari fitrah asal kejadian manusia tersebut sebagai sabda Rasulullah SAW yang menyatakan bahawa manusia sebenarnya lahir dalam keadaan fitrah semulajadi yang suci, tetapi ibubapalah yang memainkan peranan penting untuk seterusnya menjadikan mereka sebagai Yahudi, Nasrani, Majusi dan juga Islam. Oleh itu jelaslah bahawa kaum lelaki dan wanita yang merupakan ibubapa kepada anak-anak, apatah lagi ibu yang bertugas mendidik mereka memainkan peranan yang cukup penting dalam usaha untuk menanam akidah Islamiah tersebut.

Usaha-usaha penanaman akidah Islamiah ini boleh dimulakan oleh seseorang wanita Islam bermula dari awal proses pembentukan keluarga lagi sehingga sampai ke saat kematian seseorang individu Muslim dimana ia boleh dibahagikan kepada beberapa fasal period kewujudan manusia itu sendiri dan diikuti pula dengan tugas-tugas perkembangan yang perlu dilakukan oleh seseorang Islam sebagaimana berikut:

Pertama: periode pra-konsepsi, iaitu periode perkembangan manusia sebelum masa pembuahan sperma dan ovum. Untuk memastikan akidah Islamiah dapat ditanam ke dalam dirinya dan keluarganya, wanita pada masa ini perlu berperanan dalam tugas-tugas perkembangan periode pada fasal ini seperti, 1) wanita mesti mencari pasangan hidup yang baik yang ditentukan oleh empat aspek iaitu kecantikan-ketampanan, kekayaan, keturunan dan agama;³⁸ 2) wanita mesti memastikan dirinya segera berkahwin secara sah apabila bertemu pasangan hidup yang sesuai untuk mengelak daripada perkara-perkara maksiat; 3) wanita mesti berusaha membangunkan keluarga yang *sakinah* (damai dan sejahtera) di atas prinsip cinta-kasih (*mawaddah*) dan kasih sayang (*rahmah*) dengan landasan iman dan takwa; 4) wanita perlu sentiasa berdoa kepada Allah SWT, agar diberi keturunan yang baik (*zurriyyat tayyibah*). Kesemua tugas dan peranan yang dilaksanakan oleh wanita Islam pada fasal ini

³⁸ Ahmad al-Hasyimi (t.t.). *Mukhtar al-Ahadis al-Nabawiyah*, Semarang: Penerbit Usaha Keluarga, h. 61.

akan dapat menyediakan tapak yang kukuh, baik dan subur bagi menjamin penanaman akidah Islamiah seterusnya terhadap dirinya sendiri, ahli keluarganya dan sekaligus masyarakat sekelilingnya

Kedua: periode pra-natal iaitu periode perkembangan manusia yang dimulai dari pembuahan sperma dan ovum sampai masa kelahiran. Tugas-tugas perkembangan yang mesti dijalankan oleh seorang wanita Islam dalam usaha menanam akidah Islamiah yang kukuh diteruskan pada fasal ini dengan berusaha; 1) memelihara suasana psikologi yang damai dan tenteram bagi dirinya sendiri, hubungannya suami isteri atau dalam rumah tangganya, hubungannya dengan jiran tetangga dan masyarakat, dalam pekerjaannya dan sebagainya, agar secara psikologi janin berada di dalam kandungannya dapat berkembang secara normal; 2) wanita pada masa ini mestilah sentiasa meningkatkan amal ibadahnya dan meninggalkan maksiat, agar janinnya mendapat sinar cahaya hidayah dari Allah SWT; dan 3) wanita ini perlu sentiasa berdoa kepada Allah SWT agar sentiasa dirahmatiNya, diberi pertolongan dan hidayah supaya dirinya, ahli keluarganya dan apatah lagi anak yang sedang dikandungnya mempunyai keimanan yang kental kepada Allah SWT seperti yang dilakukan oleh Nabi Zakariyyā a.s. sebagaimana yang diceritakan oleh Allah SWT dalam firmanNya yang bermaksud:

“Di sanalah Zakaria berdoa kepada Tuhannya seraya berkata: Ya Tuhanku, berilah aku dari sisi Engkau seorang anak yang baik. Sesungguhnya Engkau Maha Pendengar.”³⁹

Suasana psikologi, peningkatan amal ibadah dan proses berdoa merupakan peranan besar yang perlu dilaksanakan oleh seorang wanita Islam dalam usaha untuk menanam akidah Islamiah yang kukuh dan teguh, bukan sahaja untuk dirinya, malahan untuk anak yang dikandungi dan ahli keluarganya yang akan memberi kesan yang tidak kurang hebatnya kepada masyarakat yang dihuninya.

Ketiga: periode kelahiran sampai meninggal dunia. Periode ini mempunyai banyak fasal perkembangannya. Pada setiap fasal perkembangannya, wanita Islam perlu menjalankan tugas-tugas perkembangan yang berbeza antara satu dengan yang lain. Fasal-fasal dan tugas-tugas perkembangan tersebut adalah seperti berikut:

(i) Fasal *neo-natus* iaitu fasal yang bermula dari kelahiran seseorang manusia sampai kira-kira minggu keempat. Pada fasal ini, wanita Islam

³⁹ Surah Ali Imran, 3: 38.

perlu merealisasikan tugas-tugas perkembangannya seperti 1) memastikan bahawa azan dibacakan di telinga kanan anak yang baru dilahirkan dan juga memastikan iqamah dibaca di telinga kiri anak tersebut supaya tertanamlah dalam diri anak-anak kecil itu tentang keesaan, kebesaran dan keagungan Allah, Tuhan Pencipta manusia serta kecintaan terhadap pesuruhNya, Nabi Muhammad SAW; 2) wanita Islam perlu berusaha untuk memenjalankan akikah bagi anaknya itu sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT dan simbul kepada pengorbanan dan kededuliannya terhadap kelahiran anak itu; (3) wanita harus memastikan pemberian nama yang baik kepada anak tersebut. (4) wanita juga mesti membiasakan kehidupan dirinya, anaknya, ahli keluarganya dan masyarakat sekelilingnya berada dalam keadaan yang bersih dan suci; 5) mencuba seberapa mungkin untuk memberi susu ibu kepada anak tersebut sehingga ia berumur dua tahun.

(ii) Fasal kanak-kanak (*al-tifl*), iaitu fasal yang bermula pada usia sebulan sampai usia sekitar tujuh tahun. Pada saat ini, peranan wanita dalam menerapkan akidah Islamiah terhadap anak-anak menjadi lebih penting di samping meningkat keutuhan akidah dalam dirinya sendiri serta masyarakat. Antara tugas-tugas perkembangan yang mesti dititik beratkan ialah 1) memastikan pertumbuhan potensi-potensi indera dan psikologi anak-anak seperti pendengaran, penglihatan dan hati nurani dapat berjalan sejajar dengan perintah Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: “Dan Allah mengeluarkan kalian dari perut ibu kalian tanpa mengetahui apa-apa, dan ia memberikan pendengaran, penglihatan, dan hati sanubari agar kamu mahu bersyukur.”⁴⁰ 2) wanita turut berperanan untuk mempersiapkan dirinya dan diri anak-anak serta keluarga yang lain untuk membiasakan dan melatih hidup yang baik, misalan melatih bercakap, bertingkah laku dan bergaul yang baik; 3) pada masa ini juga, wanita mesti berusaha mencari jalan memperkenalkan aspek-aspek ajaran agama, terutama yang berkaitan dengan akidah Islamiah iaitu keimanan kepada Allah Ta’ala, keimanan kepada para malaikat, keimanan kepada kitab-kitab, keimanan kepada para rasul, keimanan kepada hari akhirat dan keimanan kepada qadar baik dan buruk.⁴¹ Fasal ini sebenarnya adalah lanjutan daripada dua fasal sebelum ini yang menyediakan landasan untuk proses penanaman akidah Islamiah, manakala fasal ini pula merupakan fasal penanaman pertama secara aktual kepada manusia.

⁴⁰ Surah al-Nahl, 16: 78.

⁴¹ ‘Abd al-Mun‘im ‘Abd al-‘Aziz al-Malij‘i (1955). *Taṭawwur al-Shu‘ūr al-Dīnī ‘Ind al-Tifl wa al-Murāhiq*, Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, h. 314.

(iii) Fasal *tamyīz*, iaitu fasal di mana anak mulai mampu membezakan yang baik dan yang buruk, yang benar dan yang salah. Fasal ini bermula sekitar usia tujuh tahun hingga 12 atau 13 tahun. Tahap ini adalah lanjutan kepada fasal sebelumnya di mana penerusan kepada tugas-tugas perkembangan perlu dibuat oleh seorang wanita untuk memastikan proses penanaman akidah Islamiah berjalan dengan lancar, antara tugas perkembangannya adalah 1) seorang wanita mesti peka dengan perubahan persepsi konkret anak-anak menuju kepada persepsi abstrak, misalnya persepsi mengenai idea-idea ketuhanan, alam akhirat dan sebagainya.⁴² (2) wanita juga mesti peka dan prihatin dengan perkembangan ajaran-ajaran normatif agama melalui institusi sekolah, baik dalam perkembangan aspek kognitif, afektif, mahupun psikomotorik seperti pengajian tentang tauhid, *nubuwah* dan *ghaybiyyah*. Keprihatinan ini amat wajar kerana pada fasal ini, kanak-kanak mula meneroka alam akidah dengan lebih luas. Oleh itu wanita sebagai seorang ibu bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan pengajian akidah dalam bentuk formal dan informal berjalan dalam daerah sewajarnya bagi mengelak penyelewengan akidah terjadi kepada mereka. Oleh yang demikian, ibu itu sendiri mestilah mempunyai pengetahuan dan pengalaman diri yang secukupnya untuk memastikan perkembangan keilmuan anak-anak dan ahli keluarga berjalan dengan baik menurut nas-nas al-Quran dan al-Sunnah.

(iv) Fasal *balīgh*,⁴³ iaitu fasal dimana anak sudah mencapai usia dewasa. Dalam usia ini, anak sudah memiliki kesedaran penuh akan dirinya sehingga ia telah diberi beban tanggungjawab (*taklīf*) oleh Allah SWT terutama tanggungjawab agama dan sosial.⁴⁴ Pada saat ini, sememangnya setiap individu bertanggungjawab pada dirinya sendiri, namun mereka sebenarnya masih lagi memerlukan campur tangan dan didikan wanita sebagai seorang ibu. Pada masa ini tugas-tugas perkembangan yang mesti dijalankan adalah 1) memastikan individu-individu iaitu anak-anak itu memahami segala titah (*Khiṭāb*) Allah SWT⁴⁵ dengan menyediakan peluang

⁴² *Ibid.*; Walter Houston Clark (1969). *The Psychology of Religion*, Kanada: The MacMillan, h. 100.

⁴³ Abdul Mujib dan Maria Ulfah (1994). *Problematika Wanita: Fiqh Nisa' fi Risalati Makhid*, Disusun Berdasarkan Empat Mazhab, Surayabaya: Karya Abditama, h. 21-23.

⁴⁴ Wahbah al-Zuhailī (1986). *Usūl al-Fiqh al-Islāmī*, Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 158-159. Lihat juga Zinuddin (1991). *Seluk Beluk Pendidikan Menurut al-Ghazali*, Jakarta: Bumi Aksara, h. 69.

⁴⁵ Surah al-Isra', 17: 36; Surah al-Taubah, 9: 122.

untuk memperdalam ilmu pengetahuan tentang akidah Islamiah sama ada melalui institusi keluarga (belajar sendiri di rumah, atau institusi luar tidak formal seperti pengajaran di masjid-masjid, ceramah-ceramah atau juga institusi luar formal seperti mempelajari dari sekolah-sekolah agama fardu ain (KAFA atau SAFA) atau sekolah-sekolah agama rakyat dan kerajaan; 2) wanita mesti berperanan untuk memastikan individu-individu tersebut mampu, sanggup dan mengaplikasikan pengetahuan tentang akidah Islamiah dalam tingkah laku nyata, baik yang berhubungan dengan diri sendirinya, keluarganya, komuniti sosialnya, alam semestanya, apakah lagi terhadap Penciptanya; 3) memastikan mereka memiliki kesediaan untuk bertanggungjawab atas apa yang dibuat; 4) memastikan mereka mampu dan berusaha membentengi diri dari segala perbuatan maksiat terutama perkara-perkara yang berkaitan dengan keimanan dan mengisi diri mereka dengan perbuatan baik. Pada tahap ini, wanita sebenarnya menghadapi saat mencemaskan kerana anak-anak sudah memiliki keupayaan pergaulan yang luas dan pendedahan yang lebih global, lebih-lebih lagi dalam era globalisasi di mana mereka terdedah kepada budaya internet yang berleluasa, budaya pemikiran dan hiburan seperti Black Metal dan sebagainya. Namun, sekiranya wanita yang bergelar ibu ini dapat memainkan peranan sebaik mungkin, perkara-perkara negatif yang menggugat akidah Islamiah itu akan dapat disekat dan dibendung. Oleh sebab itulah, wanita Islam hari ini mesti mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang kehidupan supaya mereka tidak akan ketinggalan dan tertipu dengan pengetahuan dan kemahiran mereka yang berada di sekelilingnya.

(v) Fasal kearifan dan kebijaksanaan, iaitu fasal di mana seseorang telah memiliki tingkat kesedaran dan kecerdasan emosional, moral, spiritual dan agama secara mendalam. Fasal ini bermula pada usia 40 sehingga meninggal dunia. Pada tahap ini wanita dalam konteks akidah lebih berperanan terhadap dirinya sendiri, tanpa melepaskan tanggungjawabnya terhadap anak-anak, di samping menumpukan perhatian yang lebih besar kepada kepentingan masyarakat sekelilingnya. Antara tugas-tugas perkembangan dalam fasal ini yang mestilah dijalankan ialah 1) mengaplikasikan sifat-sifat Rasulullah SAW yang agung kerana Nabi Muhammad SAW diangkat menjadi rasul pada usia 40 tahun. Sifat-sifat yang dimaksudkan seperti jujur (*ṣidq*), dapat dipercayai bila diberi tanggungjawab (*amānah*), menyampaikan kebenaran (*tablīgh*) dan memiliki kecerdasan spiritual (*faṭānah*); 2) wanita perlu meningkatkan kesedaran terhadap peranan sosial dengan niat amal soleh di mana wanita pada waktu

itu semakin terlepas dari bebanan membesarakan anak-anak kerana mereka sudah semakin dewasa. Oleh itu, masa terluang perlu digunakan sepenuhnya untuk menyedarkan masyarakat, mendidik mereka serta membantu mereka menanam akidah Islamiah ke dalam dada mereka supaya dapat diaplikasikan dalam kehidupan seperti menjauhi kesyirikan, memahami peranan malaikat, peranan Rasul dan apa yang dibawa oleh Rasul, mendalami, memahami dan mengaplikasikan ajaran al-Qur'an, memahami konsep hari akhirat serta qadar baik dan buruk yang ditentukan kepada umat manusia; 3) pada masa ini juga, individu-individu perlu berusaha meningkatkan ketakwaan dan kedekatan (*taqarrub*) kepada Allah SWT melalui perluasan diri dengan mengamalkan ibadah-ibadah sunat. (4) memastikan persiapan diri dibuat sebaik mungkin kerana usia-usia sebegini menandakan bahawa kehidupan ini semakin mendekati masa kematian bagi mengelakkan diri berasa rugi dengan apa yang dikerjakan di dunia sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Ya Tuhan, mengapa Engkau tidak menangguhkan (kematian) ku sampai waktu yang dekat, yang membolehkan aku bersedekah, dan aku termasuk orang yang soleh. Dan Allah sekali-kali tidak akan menangguhkan (kematian) seseorang apabila datang waktu kematianya.”⁴⁶

KESIMPULAN

Hasil daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa wanita memainkan peranan yang amat penting dalam menerap dan memperkuuhkan akidah Islamiah dalam dirinya sendiri, anak-anak di bawah asuhan dan didikannya, ahli keluarganya yang lain dan juga masyarakat setempat. Ini adalah kerana kecemerlangan dan kegemilangan sesuatu bangsa adalah bermula dari kehidupan individu dan diikuti dengan keluarga. Apabila individu dan keluarga meraih kecemerlangan dan kegemilangan sebagai Muslim sejati, maka mereka ini yang dalam bentuk mikronya, menjadi komponen masyarakat, maka masyarakat dalam bentuk makronya akan turut dapat diwujudkan sebagai masyarakat yang diidam-idamkan tersebut iaitu cemerlang, gemilang dan terbilang.

⁴⁶ Surah al-Munafiqun, 63: 10-11.